

Peranan Model Sintesis Teologi Stephen B. Bevans dalam Dialog Antara Agama: Suatu Tinjauan Awal (*The Role of Stephen B. Bevans' Synthesis Model of Theology in Interfaith Dialogue: An Initial Review*)

Mohammad Firdaus Hasmin¹, Syamsul Azizul Marinsah^{2*},
Mohamad Shaukhi Mohd Radzi¹, Mohd Syahkiran Bahran¹,
Mohd. Hishamuddin Amid¹

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia

² Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia

*Corresponding Author: syamsulazizul@ums.edu.my

Received: 30 January 2025 | Accepted: 14 March 2025 | Published: 1 April 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2025.7.3.18>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara model sintesis dalam konsep teologi kontekstual yang dikemukakan oleh Stephen B. Bevans dengan amalan dialog antara agama. Model sintesis yang diperkenalkan oleh Stephen B. Bevans menekankan kepentingan menyesuaikan elemen tradisi agama dengan konteks semasa, di samping mencipta keselarasan antara ajaran agama dan keperluan budaya setempat. Dalam konteks dialog antara agama, model ini berperanan sebagai kerangka yang memungkinkan pertukaran pandangan secara harmoni, dengan memberi peluang kepada setiap agama untuk menjelaskan kepercayaan dan pandangan masing-masing terhadap isu yang timbul. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, termasuk karya Stephen B. Bevans yang memfokuskan pada model sintesis teologi kontekstual serta meneliti sesi dialog antara agama kontemporari yang dipilih berdasarkan relevansi dengan pendekatan ini. Kajian mendapati bahawa model sintesis Stephen B. Bevans membantu membina ruang perbincangan yang lebih inklusif, membolehkan agama-agama berinteraksi dalam suasana saling memahami dan menghormati. Kajian ini merupakan tinjauan awal tentang bagaimana model sintesis dapat diterapkan dalam memajukan dialog antara agama serta menawarkan perspektif teologi yang relevan dalam menghadapi cabaran pluralisme agama masa kini.

Kata Kunci: dialog antara agama, konsep kontekstual, model sintesis

Abstract: This study aims to examine the relationship between the synthesis model in the contextual theology concept proposed by Stephen B. Bevans and the practice of interfaith dialogue. The synthesis model introduced by Bevans emphasizes the importance of adapting elements of religious traditions to contemporary contexts while creating harmony between religious teachings and local cultural needs. In the context of interfaith dialogue, this model serves as a framework that facilitates harmonious exchange of views, allowing each religion to articulate its beliefs and perspectives on arising issues. This study employs a qualitative approach through document analysis, including works by Stephen B. Bevans focusing on the synthesis model of contextual theology, as well as examining contemporary interfaith dialogue sessions selected based on their relevance to this approach. The study finds that Bevans' synthesis model helps to create a more inclusive discussion space, enabling religions to interact in an atmosphere of mutual understanding and respect. This research represents a

preliminary exploration of how the synthesis model can be applied to advance interfaith dialogue and offers a relevant theological perspective in addressing the challenges of contemporary religious pluralism.

Keywords: interfaith dialogue, contextual concept, synthesis model

1. Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungkait antara model sintesis dalam konsep teologi kontekstual yang diperkenalkan oleh Stephen B. Bevans, menerusi karyanya yang bertajuk *'Model of Contextual Theology'* dengan amalan dialog antara agama. Dalam teologi kontekstual, model sintesis merupakan pendekatan yang menyesuaikan tradisi agama dengan konteks budaya serta sosial yang sentiasa berkembang seiring peredaran waktu. Model ini menekankan bahawa, ajaran agama perlu relevan dan berinteraksi dengan budaya serta kepercayaan agar ajaran agama tersebut dapat diterima dengan baik oleh masyarakat. Dalam masa yang sama, asas teologi tetap dipelihara. Pendekatan ini sesuai untuk memahami bagaimana agama berfungsi dalam masyarakat yang bersifat pluralistik, iaitu pelbagai kepercayaan dan budaya yang saling berinteraksi di antara satu sama lain.

Dalam konteks dialog antara agama, model sintesis memberi ruang untuk dialog yang lebih inklusif dan fleksibel, iaitu perbezaan antara agama tidak dilihat sebagai suatu tembok yang menghalang, tetapi sebagai ruang untuk memahami dan memperkayakan kepercayaan sendiri serta individu lain. Kajian ini menggunakan metodologi analisis dokumentasi untuk meninjau bagaimana model sintesis dapat membantu dalam pelaksanaan dialog antara agama yang lebih berkesan. Melalui kajian terhadap sumber-sumber teologi dan artikel akademik, kajian ini mengupas peranan model sintesis dalam membentuk dialog yang berasaskan kesefahaman, penghormatan, dan kerjasama antara penganut agama yang berbeza.

Implikasi kajian ini, memberikan kesan yang signifikan kepada aspek agama, budaya, dan sosial. Daripada sudut agama, pendekatan ini memperluas skop interaksi agama dengan konteks moden, menjadikan agama kekal relevan meskipun keadaan dan persekitaran masyarakat telah berubah. Daripada sudut budaya, dialog antara agama yang dipandu oleh model sintesis membantu memupuk toleransi, menghargai kepelbagaian, dan mewujudkan kesepakatan dalam perbezaan. Daripada perspektif sosial, ia membuka ruang untuk membina hubungan harmoni dalam masyarakat majmuk yang sering kali berdepan dengan cabaran perbezaan agama dan budaya, terutamanya dalam isu kontemporari seperti isu 3R, iaitu *Religion* (agama), *Race* (bangsa), dan *Royalty* (raja) di Malaysia

Kesimpulannya, model sintesis dalam teologi kontekstual Stephen B. Bevans memainkan peranan penting dalam merangka amalan dialog antara agama yang lebih inklusif, praktikal, dan relevan dengan situasi masyarakat moden. Di samping itu, ia turut memberikan manfaat kepada agama, budaya, dan sosial secara menyeluruh, khususnya kepada negara yang memiliki masyarakat daripada pelbagai latar belakang kaum, agama dan budaya.

2. Konsep Kontekstualisasi

Istilah kontekstualisasi, pertama kali diperkenalkan oleh *Theological Education Fund* (TEF) atau Dana Pendidikan Teologi (DPT) pada tahun 1972, yang bernaung di bawah *International Missionary Council* (IMC), yang turut bergabung dengan Dewan-Dewan Gereja Sedunia

(Lamberty Y. Mandagi, 2020). Daripada sudut etimologi, perkataan konteks berasal daripada bahasa Latin iaitu, *contextus* atau *contexere* yang bermaksud *con* (bersama) dan *texere* (jahitan, jalinan atau meletakkan bersama) (Latin Dictionary, 2024). Justeru, secara harfiahnya, ia dapat diertikan sebagai ‘jahitan bersama’, ‘jalinan bersama’ ataupun ‘hubungan bersama’. Dalam pada itu, akhiran *-ual* dan *-isasi* (*ization*) kedua-duanya berasal daripada bahasa Latin. Sehubungan itu, gabungan daripada dua akhiran tersebut membentuk *-ualisasi* yang membawa maksud proses untuk menjadikan sesuatu itu. Seperti, globalisasi (menjadikan sesuatu itu bersifat global) atau modenisasi (menjadikan sesuatu itu bersifat moden) (Sneddon, 2003).

Dalam bahasa Inggeris, kontekstual diterjemah sebagai *contextual* yang bermaksud *related to the context of something; depending only on the context* atau ‘berkaitan dengan konteks sesuatu’; ‘hanya bergantung kepada konteks’ (*Oxford English Dictionary*, 2024). Manakala *context* diterjemahkan sebagai *the situation within which something exists or happens, and that can help explain it* atau ‘situasi di mana sesuatu itu wujud atau berlaku, dan ia dapat membantu untuk menjelaskan sesuatu itu’. Dalam bahasa Melayu, *contextual* diterjemahkan sebagai kontekstual. Menurut Kamus Bahasa Melayu (PRPM, 2024), kontekstual bermaksud ‘berkaitan dengan atau menurut konteks’. Sementara itu, konteks pula adalah ‘keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungkan dengan sesuatu’. Daripada sudut bahasa Arab pula, pengkaji tidak berjaya menemukan perkataan yang sesuai untuk menterjemahkan konteks ataupun kontekstual secara eksplisit. Pun begitu, terdapat perkataan Arab, yang seringkali dirujuk sebagai konteks ataupun kontekstual, terutama sekali dalam cabang ilmu tafsir (teks; bahasa). Perkataan tersebut adalah *siyaq* (سياق). Menurut Abdul Hakim al-Qasim (2009), *siyaq* merujuk kepada ‘memahami teks dengan memperhatikan apa yang sebelum dan sesudahnya’. Menurut Ahmad Lafi Falah al-Mutiri (2005), *siyaq* adalah ‘penjelasan kata atau frasa ayat melalui konteks ayat sebelum dan sesudahnya’. Berdasarkan penjelasan tersebut, *siyaq* adalah memahami ayat atau frasa berdasarkan kepada konteksnya. Hal ini demikian kerana, setiap perkataan yang dilontarkan mempunyai konteks yang tersendiri mengikut budaya dan situasi penuturnya (al-Akrat, 2018 ; Mohammad Yusuf, 2022). Perkara ini, dijelaskan lagi oleh Mohammad Yusuf (2022), iaitu *siyaq* adalah, makna sebuah kata atau perkataan, boleh berubah sejajar dengan perubahan konteksnya. Tambah beliau, makna kontekstual sangat menekankan struktur bahasa yang berada di sekeliling kata, kemudian mengambil makna dengan memperhatikan konteks sosial dan situasi yang menuturkan kata tersebut.

Berdasarkan pendefinisian tersebut, pengkaji berpendapat bahawa ‘kontekstual’ merujuk kepada sesuatu yang dilaksanakan selaras dengan konteks semasa, atau bagaimana sesuatu itu boleh dilaksanakan secara wajar mengikut persekitaran yang relevan. Dalam erti kata lain, sebelum melaksanakan atau mengimplementasikan sesuatu, konteks semasa perlu dipertimbangkan agar pelaksanaan tersebut bersifat lebih relevan dan praktikal.

3. Konsep Kontekstual Teologi

Daripada sudut etimologi, teologi berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *theos* (tuhan) dan *logos* (perkataan, ucapan, akal atau penelitian). Berdasarkan makna tersebut, secara harfiahnya, teologi dapat diertikan sebagai ‘penelitian tentang tuhan’ atau ‘perbincangan tentang hal-hal yang berkaitan dengan tuhan’ (B.F. Drewes & Julianus Mojau, 2003).

Berdasarkan makna kontekstual yang telah dijelaskan, kontekstual teologi dapat diberikan beberapa definisi iaitu ‘usaha untuk merelevankan ajaran agama ke dalam konteks budaya masyarakat di mana ajaran tersebut hendak disebarkan’ atau ‘bagaimana sesebuah ajaran

agama dapat dijadikan sesuai kepada sesebuah masyarakat dengan cara, mempertimbangkan konteks semasa masyarakat tersebut'. Pandangan ini, turut dilontarkan oleh beberapa orang tokoh teologi. Antaranya Danial J. Adams (1987), berdasarkan teologi Kristian beliau menjelaskan 'teologi kontekstual secara sedar berusaha untuk mengakar-ulangkan iman Kristian ke dalam setiap kebudayaan dan merumuskan ulang teologi Kristian ke dalam cara berfikir dari setiap kebudayaan'. Selain daripada itu, menurut Binsar Jonathan Pakpahan (2020), yang menukil perkataan daripada Robert J. Schreiter (1996), teologi kontekstual merujuk kepada 'tanggapan penganut Kristian terhadap kitab Injil dengan cara yang konkrit'. Berdasarkan keterangan tersebut, Binsar Jonathan Pakpahan (2020) menjelaskan, hal tersebut disebabkan oleh 'sifat kontekstualisasi yang dinamik dan bukan statik'. Oleh sebab itu, apabila teologi dikaitkan dengan konsep kontekstual, ia menunjukkan bahawa, teologi tersebut telah mengikuti sifat dinamik kontekstual yang disandarkan kepadanya. Contohnya, dalam konteks budaya masyarakat. Teologi, disesuaikan mengikut konteks budaya masyarakat pada ketika itu, agar ia lebih relevan dan aplikatif. Seterusnya, ia juga boleh berubah, apabila budaya masyarakat pada ketika itu, telah berubah. Seperti, masyarakat yang hidup pada abad 16 dan 19, tidak memiliki teknologi sebagaimana yang dimiliki oleh masyarakat pada abad 21 ini. Oleh sebab itu, ajaran teologi juga perlu disesuaikan dengan perubahan tersebut. Agar ia lebih relevan, aplikatif, memenuhi keperluan dan mampu menjawab setiap permasalahan yang timbul pada abad ini.

Pengkaji tertarik dengan penjelasan daripada Emanuel Gerrit Singgih (2000), yang menekankan teologi kontekstual daripada tiga aspek yang utama. Pertama, konteks al-Kitab (Injil). Kedua, konteks tradisi sistematik. Akhir sekali, konteks masyarakat pada masa kini. Manakala konteks masyarakat pada masa kini tersebut, dapat dibahagikan kepada empat sub konteks lagi. Iaitu, budaya, ekonomi, sosial dan politik. Menurut Emanuel Gerrit Singgih (2000), para teolog, yang berteologi secara kontekstual, perlu mengeluarkan (mengekstrak) ajaran Injil daripada budaya sesebuah masyarakat.

Berdasarkan pandangan Emanuel Gerrit Singgih (2000) tersebut, terdapat sebuah kajian lepas yang signifikan (boleh dijadikan contoh) iaitu kajian yang dilakukan oleh Cindy Natalia Salinding et al., (2023). Dalam kajian tersebut, beliau mengaitkan adat *Masikka* (nyanyian ratapan) di acara pengebumian di Ranta Damai, Indonesia. Menurut beliau, *Masikka* adalah syair yang disenandungkan atau dinyanyikan oleh pemangku Adat, kemudian diikuti oleh penyanyi yang lain, ketika ada anggota bangsawan (*Parengnge'* dan *Tomatua*) yang meninggal dunia. Berdasarkan hal tersebut, beliau mendapati adat *Masikka* atau nyanyian ratapan ini, mempunyai dasar di dalam ajaran Kristian. Iaitu dalam kitab Perjanjian Lama (*Old Testament*) pada, Samuel, 1:17-27, yang menjelaskan Daud, pernah meratapi kematian Saul dan Yonatan. Kemudian, nyanyian ratapan tersebut, telah diajarkan kepada bani Yehuda untuk diteruskan oleh generasi seterusnya. Kemudian, dalam Samuel, 1:19-27, Daud mengarahkan orang-orang lain juga untuk meratapi kematian mereka (Saul dan Yonatan).

Berdasarkan perkara tersebut, jelas bahawa, adat *Masikka* yang diamalkan di Ranta Damai, Indonesia, sememangnya mempunyai dasar di dalam ajaran Kristian. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat bahawa, perkara inilah yang dimaksudkan oleh Emanuel Gerrit Singgih (2000) dalam berteologi secara kontekstual. Iaitu, kemampuan untuk mengeluarkan (mengekstrak) ajaran Injil daripada budaya sesebuah masyarakat. Implikasinya adalah, ajaran agama akan lebih mudah difahami oleh masyarakat tempatan, kerana, ia disampaikan melalui medium budaya, yang sememangnya telah sehati dengan kehidupan masyarakat. Dalam erti kata lain, budaya lokal dijadikan jambatan untuk mengekspresikan doktrin sesebuah teologi.

Dalam aspek Islam pula, pengkaji tidak berjaya menemukan perkataan yang sesuai untuk menjelaskan makna kontekstual secara konkrit. Pun begitu, pengkaji tidak menafikan sememangnya terdapat perkataan yang merujuk kepada konteks, iaitu, *siyaq* (سياق). Namun, perkataan *siyaq*, cenderung digunakan dalam ilmu tafsir al-Quran dan al-Hadith, bagi mencapai makna yang tepat, dengan mempertimbangkan susunan kalimah, konteks semasa atau latar belakang penutur ketika mengucapkan perkataan tersebut. Pengkaji berpandangan, walaupun ia cenderung dalam ilmu tafsir, namun idea asal 'kontekstualisasi' iaitu 'menghubungkan sesuatu dengan konteksnya' tetap menjadi suatu landasan yang jelas (menyemak latar belakang perkataan (konteks semasa sewaktu ia dituturkan) dalam menjelaskan maknanya yang sebenar). Walau bagaimanapun, pandangan pengkaji ini perlu dibuktikan dalam kajian seterusnya.

Sebenarnya, pandangan pengkaji ini dapat dilihat dalam penjelasan Syuhudi Ismail (2009) dalam Dayan Fithoroini & Muhammad Latif Mukhti (2021), iaitu 'untuk memahami hadith, perlu melihat konteksnya'. Sehubungan itu, Syuhudi Ismail membahagikan konteks yang perlu dipertimbangkan kepada dua bahagian. Pertama, mengenal pasti fungsi (posisi) Nabi Muhammad SAW. Kedua, mengenal pasti latar belakang peristiwa, yang menyebabkan Nabi Muhammad SAW mengucapkan hadith tersebut. Menurut Syuhudi Ismail (2009), ketika Nabi Muhammad SAW mengucapkan sesebuah hadith, para ahli, akan menyemak fungsi Baginda SAW pada ketika itu, misalnya sebagai seorang Rasulullah, pemimpin masyarakat, ketua negara, hakim, pemimpin perang, sebagai suami ataupun secara peribadi.

Dalam kes ini, kontekstual dapat diperhatikan dalam sebuah hadith sahih, yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim menyebutkan, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda 'إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ' (kami adalah umat yang ummiy, tidak pandai menulis dan tidak pandai menghitung). Berdasarkan hadith tersebut, Syuhudi Ismail (2009), menjelaskan hadis tersebut lebih tepat difahami secara kontekstual, bukan secara tekstual. Hal ini demikian kerana, perkara yang dikatakan oleh Nabi SAW tersebut, sifatnya adalah sementara (konteks ketika itu atau zaman Nabi Muhammad SAW sahaja). Sedangkan, sesudah Nabi SAW wafat, termasuk pada zaman globalisasi sekarang ini, umat Islam Arab khususnya, dan di seluruh dunia umumnya, telah ramai yang pandai menulis, membaca dan menghitung. Bahkan lebih daripada itu, umat Islam pada masa kini, majoritinya pandai menggunakan teknologi yang canggih.

Dalam aspek yang lain, contohnya, pengeluaran fatwa semasa yang harus disesuaikan dengan perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan kebiasaan masyarakatnya pada konteks itu. Perkara ini dapat dilihat daripada perkataan Imam Ibn Qayyim (1292-1350) sebagaimana berikut, فَصْلٌ فِي تَغْيِيرِ الْقَوَى وَاجْتِلَافِهَا بِحَسَبِ تَغْيِيرِ الْأَزْمَنِ وَالْأَمَكْنَةِ وَالْأَحْوَالِ وَالنِّيَّاتِ وَالْعَوَائِدِ, (fasal pada perubahan fatwa, harus disesuaikan dengan perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan kebiasaan). Berdasarkan komentar tersebut, Imam Ibn Qayyim (1292-1350), menekankan, bahawa fatwa Islam, tidak boleh bersifat statik, tetapi perlu diperbaharui, sesuai dengan perubahan Zaman. Contohnya, dalam konteks masyarakat moden, isu atau permasalahan baharu yang berhubung dengan penggunaan teknologi, internet, media sosial dan seumpamanya, memerlukan pandangan atau penyelesaian baharu yang relevan dengan konteks atau tuntutan semasa, yang tidak mungkin penyelesaian atau pandangan tentangnya, dapat diperolehi daripada para ulama, fatwa atau ijtihad ulama zaman lampau (Ibn Qayyim, 2003; Bayan Linnas Siri Ke 179, 2019).

Selain daripada itu, Imam Abidin al-Syami (1784-1836) berkomentar 'seorang mufti, tidak seharusnya bersikap jumud terhadap nukilan pandangan terdahulu yang terdapat dalam kitab hanya semata-mata zahirkan riwayat tanpa meraikan suasana zaman dan masyarakat setempat.

Jika tidak, banyak hak-hak yang akan diketepikan, dan membawa mudarat yang lebih besar daripada kebaikan' ليس للمفتي الجمود على المنقول في كتب ظاهر الرواية من غير مراعاة الزمان وأهله، وألّا) (Ibn Abidin, 2005). (يُضَيِّعُ حَقُوقًا كَثِيرَةً، وَيَكُونُ ضَرَرُهُ أَكْثَرَ مِنْ نَفْعِهِ)

Berdasarkan komentar tersebut, jelas dapat diperhatikan bahawa, seorang mufti, tidak boleh hanya sekadar bergantung kepada teks atau pendapat yang telah ditetapkan oleh para ulama terdahulu, tanpa memperhatikan atau mempertimbangkan konteks atau keadaan semasa masyarakat di tempatnya. Sekiranya, seseorang mufti bertindak sedemikian, sudah tentu, pengadaptasian fatwa tersebut, akan menjadi tidak relevan, tidak tepat, atau tidak berfungsi dengan baik dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari yang sedang dihadapi oleh masyarakat. Contohnya, transaksi atas talian (*online*) ataupun dakwah secara digital (dakwah yang menggunakan pendekatan teknologi) yang tidak ditemukan isu-isu seperti ini, pada zaman ulama silam. Justeru, ia memerlukan suatu pandangan atau pendekatan baharu yang lebih segar (*fresh*), agar sejajar dan selari dengan konteks semasa di mana ajaran Islam tersebut dipraktikkan.

Seterusnya, komentar daripada Syeikh Mustafa al-Zarqa (1904-1999), 'tidak diingkari, berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa', (لا يُنْكَرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ). Berpandukan komentar tersebut, dapat difahami bahawa, hukum Islam, bukanlah sesuatu yang bersifat statik dan universal, iaitu sesuai untuk diimplementasikan dalam semua keadaan, masa, tempat, latar belakang budaya dan struktur sosial tanpa perlu mempertimbangkan ia semula berdasarkan konteks semasa sesebuah masyarakat. Hal ini, menunjukkan bahawa, hukum Islam, seharusnya bersifat dinamik dan responsif terhadap sebarang perubahan yang berlaku di dalam masyarakat. Dalam erti kata lain, hukum Islam, perlu ditinjau dari semasa ke semasa agar sentiasa sejajar dengan perubahan zaman sekaligus, dapat memenuhi keperluan dan menjawab persoalan serta permasalahan masyarakat (Muhammad al-Zuhaili, 2005).

Sebagai contoh, ia dapat dilihat menerusi Syamsul Azizul (2017), berkenaan adat *duaa turun napas* yang diamalkan oleh masyarakat Bajau di Sabah, Malaysia. Menurut beliau, *duaa turun napas* adalah berupa bacaan tahlil, doa dan ayat al-Quran di sisi jenazah. Menariknya, bacaan tersebut dilagukan dengan nada *maglugu* yang tidak wujud dalam ilmu tarannum (Hikmah Hamid, 2010). Perkara yang lebih menarik lagi adalah, menurut Tuan Hj. Hussin (2015), adat *maglugu* bukanlah daripada ajaran pra-Islam yang mengalami proses sinkretisme. Tetapi, adat-adat tersebut merupakan ajaran yang ditinggalkan oleh para pendakwah Islam pada zaman dahulu. Hal ini demikian kerana, tidak ada sebarang ayat atau bacaan yang pelik ditemui, melainkan semuanya dapat difahami sebagai ajaran Islam yang tulen. Daripada penjelasan ini, jelas telah berlaku implementasi konsep kontekstualisasi (penyesuaian agama dengan budaya tempatan) sehingga ajaran Islam dapat diterima dengan baik oleh masyarakat setempat pada ketika ia disebarkan.

Pun begitu, konteks tersebut hanya sesuai pada ketika itu (atas dasar menyebarkan syiar Islam). Pada hari ini, melagukan bacaan al-Quran boleh dilihat daripada dua perspektif, pertama dibenarkan dengan bersyarat. Kedua, haram (tidak dibenarkan). Berdasarkan perkara ini, Menurut Syamsul Azizul (2017), kesalahan terbesar dalam adat *maglugu* adalah, melagukan al-Quran secara melampau (*ghuluw*) sehingga mengabaikan dan merosakkan tajwid dan *makhraj* yang disepakati keharamannya di sisi syarak. Berdasarkan perkara ini, dapat digambarkan bahawa, para pendakwah pada ketika itu, lebih memfokuskan kepada penyebaran syiar Islam (mengIslamkan masyarakat/ Islamisasi) dalam komuniti setempat. Namun, kurang mementingkan aspek ajaran Islam dengan lebih mendalam, seperti keutamaan membaca al-Quran dengan pembacaan yang tepat di sisi syarak. Hal ini kerana, tahap penerimaan

masyarakat (belum bersedia menerima ilmu Islam yang lebih spesifik dan teknikal), cukup sekadar mereka mahu memeluk Islam. Kaedah ini disebut *خاطبوا الناس على قدر عقولهم* yang bermaksud ‘berkatalah kepada manusia sesuai dengan kemampuan akal mereka’. Dalam erti kata lain, pendekatan ini mengingatkan agar para pendakwah berbicara sesuai dengan pemahaman dan kemampuan akal pendengar yang baharu memasuki Islam. Hal tersebut kerana, setiap perkara baharu perlu disampaikan secara berperingkat, agar pendengar lebih bersedia untuk menerima maklumat-maklumat baharu yang lebih spesifik, teknikal dan mendalam (Sumarjo, 2011).

Oleh yang demikian, berdasarkan kontekstualisasi teologi daripada sudut pandang Kristian dan Islam tersebut, pengkaji mendapati bahawa, kedua-dua teologi sebenarnya, mengamalkan konsep kontekstual dalam berteologi. Walaupun, konsep ini, pertama kali diperkenalkan oleh ahli teologi Kristian, namun idea tersebut sebenarnya telah digunakan oleh Islam semenjak daripada zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Hanya sahaja, istilah kontekstual daripada bahasa Arab secara tepat dan konkrit, tidak berjaya ditemukan oleh pengkaji setakat ini. Berdasarkan hal tersebut juga, pengkaji mendapati, implementasi konsep kontekstualisasi boleh berdampak positif pada ketika ia diimplementasikan. Namun, kemudian ia boleh berubah kepada dampak negatif, seiring dengan berubahnya waktu. Oleh sebab itu, penelitian demi penelitian perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti, apakah dampak kontekstualisasi masa lalu, pada masa kontemporari ini.

4. Kedudukan Model Sintesis Dalam Konsep Kontekstual Teologi Stephen. B Bevans

Stephen B. Bevans, merupakan seorang paderi di *Society of the Divine Word* (SDW) (Komuniti Sabda Ilahi). SDW merupakan, sebuah organisasi keagamaan Katolik Roma, yang didirikan pada tahun 1875 oleh St. Arnold Janssen di Steyl, Belanda (WIPF and Stock Publishers, 2024). Setelah beliau ditahbiskan sebagai seorang paderi pada tahun 1971, beliau telah menghabiskan selama sembilan tahun sebagai seorang misionari di Filipina. Setelah itu, pada tahun 1986, beliau memulakan kerjaya sebagai seorang pensyarah di *Catholic Theological Union* di Chicago, Amerika Syarikat. Terkini, beliau menyandang jawatan sebagai seorang Profesor Louis J. Luzbetak, SVD dalam Misi dan Budaya. Sehubungan itu, antara karya terkenal beliau adalah, *Model of Contextual Theology* (MCT), yang diterbitkan pada tahun 2002.

Menerusi buku MCT tersebut, Stephen B. Bevans, telah membincangkan pelbagai aspek tentang konsep kontekstual dalam teologi. Sehingga, beliau telah memperkenalkan model-model konsep kontekstual dalam berteologi. Model-model tersebut adalah, *Translation Model* (Model Terjemahan), *Anthropological Model* (Model Antropologi), *Synthetic Model* (Model Sintesis), *Praxis Model* (Model Praksis), *Transcendental Model* (Model Transcendental) dan akhir sekali, *Countercultural Model* (Model Budaya Tandingan) (Stephen B. Bevans, 2002; Kristian Kusumawardana, 2023). Berdasarkan semua model-model ini, kedudukan model sintesis pada urutan yang ketiga, selepas model terjemahan dan model antropologi.

Secara umumnya, menurut Kamus Bahasa Melayu (PRPM, 2024), sintesis adalah ‘proses menyatukan pelbagai unsur, bahagian, bahan, dan sebagainya menjadi suatu kesatuan atau keseluruhan yang kompleks. Makna yang sama turut diberikan oleh *Oxford Learner's Dictionaries* (2024), iaitu ‘*the act of combining separate ideas, beliefs, styles etc; a mixture or combination of ideas, beliefs, styles, etc.*’ Namun demikian, jika dilihat makna sintesis secara khusus dalam konsep kontekstual teologi, ‘model sintesis adalah model jalan tengah, iaitu model yang menekankan pengalaman masa kini (pengalaman, kebudayaan, lokasi sosial, perubahan sosial) dan pengalaman masa lampau (kitab suci) (Lamberty Y. Mandagi, 2020).

Selain daripada itu, menurut Kristian Kusumawardana (2023), model sintesis adalah ‘model yang berusaha untuk mencari jalan tengah yang menekankan pengalaman masa kini (konteks) dan pengalaman masa lalu (al-Kitab dan tradisi gereja). Menurut Fausto Tilman (2012) pula, model sintesis adalah ‘model teologi yang menjangkau konteks teologi yang lain, atau teologi yang dibangun di atas dasar sudut pandang budaya kita dan budaya orang lain’. Tambah beliau pula, model sintesis adalah model dialog teologi sehingga ia dapat diterima oleh semua sudut pandang (menjajarkan segala sesuatu secara bersama dan berkompromi). Dalam erti kata lain, dua atau lebih pihak, yang memiliki pandangan atau kepentingan berbeza, berusaha untuk menemukan titik tengah, atau penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak.

Melihat model sintesis sebagai dialog antara teologi ini, turut dijelaskan oleh Stephen B. Bevans (2002), iaitu ‘model sintesis adalah keyakinan bahawa manusia harus saling berdialog dan hanya dengan cara itu, pertumbuhan manusiawi sejati terjadi’. Selain itu, menurut Emanuel Martasudjita (2021), yang memberi komentar terhadap kepentingan model sintesis dalam berteologi, iaitu ‘hanya dengan berdialog, manusia dapat mengalami Allah yang hadir dan mewahyukan diri dalam bermacam-macam cara dan bentuk, khususnya bermacam-macam konteks budaya.’

Daripada pemaknaan yang diberikan, pengkaji berpandangan, model sintesis dalam kontekstual teologi, dapat dilihat sebagaimana berikut:

Jadual 1: Ringkasan Model Sintesis dalam Kontekstual Teologi

Bil	Aspek Sintesis	Huraian
1	Teologi dan Budaya (Inkulturas)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggabungan antara prinsip-prinsip agama (teologi) dengan nilai-nilai dan praktik budaya sesebuah masyarakat. • Memelihara keseimbangan, antara ajaran agama dengan budaya lokal. Implikasinya, agama dan budaya dapat diamalkan, tanpa menghilangkan esensi, intipati atau hakikat ajaran agama dan praktik budaya lokal tersebut.

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan jadual 1.0 tersebut, sintesis teologi dan budaya merujuk kepada, integrasi antara ajaran teologi dengan nilai-nilai tradisi atau praktik budaya lokal. Ajaran teologi merujuk kepada, teologi yang diperturunkan pertama kali, berdasarkan kepada konteks sosial dan budaya masyarakat sewaktu ajaran teologi tersebut diturunkan ataupun dikembangkan. Oleh sebab itu, sintesis antara ajaran teologi dan budaya setempat sesebuah masyarakat, seringkali melibatkan proses perbandingan teks teologi, budaya masyarakat sewaktu ia diperturunkan atau dikembangkan, dan konteks budaya masyarakat pada masa kini. Perkara ini, turut diperjelaskan oleh Yulian Anouw (2023), dalam aspek kontekstualisasi Kristian di Indonesia. Menurut beliau, ‘Injil harus dapat menerangi kebudayaan, sehingga dalam kontekstualisasi, konteks budaya, harus diterangi oleh teks (al-Kitab). Tambah beliau, ‘Injil lebih tinggi (kedudukan) dari budaya, sehingga budaya Nusantara yang neutral (tidak bertentangan dengan ajaran Injil) harus dilestarikan.’ Sehubungan itu, bagi mengetahui selok belok sesebuah budaya yang berpotensi dilestarikan secara teologis, amalan dialog amatlah digalakkan. Sebagaimana yang turut dijelaskan oleh Puplius Meinrad Buru & Bernardus S. Hayong (2024), iaitu ‘proses inkulturas ini, harus melewati jalan dialog (ahli teologi dan masyarakat pengamal budaya), untuk menyerap makna atau inti dari praktik budaya, agar boleh dihadapkan pada penerangan Injil’.

Pada pendapat pengkaji sendiri, walaupun model sintesis teologi kontekstual asalnya berlaku dalam teologi dan budaya masyarakat setempat, tetapi penggunaannya dapat diperluaskan lagi

kepada sintesis antara teologi dengan teologi, atau sintesis dalam aliran teologi itu sendiri. Misalnya, Kristian terbahagi kepada beberapa aliran utama, seperti Ortodoks, Protestan, Katolik dan Anglikan. Manakala Islam, turut terbahagi kepada beberapa aliran, seperti aliran dalam mazhab fiqh. Contohnya, Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Model sintesis dapat dipraktikkan dalam teologi itu sendiri dengan cara, menyatukan pandangan daripada aliran-aliran yang terdapat dalam teologi, berkenaan satu-satu isu yang timbul. Bertujuan untuk memperlihatkan dan memperjelaskan, keputusan yang lebih tepat, akurat, kuat dan bersesuaian dengan konteks semasa. Sebagaimana yang turut diperjelaskan oleh Nurannajjah Ahmat & Rohayati Abdullah (2018) dalam perspektif mazhab dalam Islam. Menurut beliau, kewujudan pelbagai mazhab merupakan natijah daripada kepelbagaian cara berfikir dalam menentukan hukum dan kedudukan sesuatu perkara menurut perspektif syarak. Dalam erti kata lain, Islam merupakan agama manusia sejagat sepanjang zaman, oleh sebab itu ia sangat memahami kerencaman hidup manusia yang berbeza-beza antara suatu bangsa, tempat dan zaman. Oleh sebab itu, sintesis pandangan daripada pelbagai mazhab sangat penting supaya umat Islam tidak terikat dengan satu cara fikir dan pandangan sahaja, dalam menyelesaikan satu-satu isu yang timbul, terutamanya di zaman kontemporari ini.

5. Konsep Dialog

Dialog merupakan konsep terpenting dalam kehidupan sehari-hari, yang membolehkan manusia berkomunikasi, saling bertukar idea, pendapat, pandangan, pemikiran dan lain-lain antara dua atau lebih individu. Menurut Abdel Kader Fustok, istilah ‘dialog’ berasal daripada bahasa Yunani iaitu *dialogos*, yang terbentuk daripada dua patah perkataan berbeza iaitu, *dia* (melalui atau di antara) dan *logos* (ucapan, akal atau pemikiran) (Azmi Shah et al., 2007).

Daripada sudut bahasa Inggeris pula, dialog diterjemahkan sebagai *dialogue* iaitu, *talk between two or more people* (bercakap antara dua atau ramai orang) (Oxford English Dictionary, 2024). Manakala di dalam bahasa Melayu, perkataan dialog didefinisikan kepada beberapa makna. Antaranya, percakapan atau perbincangan watak-watak di dalam lakonan. Kedua, tulisan dalam bentuk percakapan (drama ialah tulisan atau karya dalam bentuk dialog). Ketiga, pertukaran pendapat dan soal jawab mengenai sesuatu isu (mereka akan mengadakan dialog, kerana ada pihak yang tidak puas hati dengan keputusan itu) (Kamus Bahasa Melayu, 2024). Berdasarkan pemaknaan ini, secara harfiahnya, dialog dapat difahami sebagai percakapan di antara dua atau lebih individu. Dalam bahasa Arab pula, istilah dialog diterjemahkan sebagai *al-hiwar* (الحوار), yang bermaksud dialog atau *al-ruju* (الرجوع) yang bermaksud ‘merujuk semula’ atau ‘kembali semula’ (Ibnu Manzur, 1955).

Dalam kerangka ilmu, menurut Khadijah & Khairul Nizam (2005), istilah dialog merujuk kepada perbualan, perbincangan, atau persidangan yang berlaku di antara dua pihak atau lebih. Selain itu, menurut Swidler (2008), dialog adalah perbincangan tentang sesuatu perkara antara dua orang atau lebih yang berbeza pandangan. Tambah beliau, setiap pihak bertujuan untuk mempelajari daripada pihak lain agar mereka boleh berubah dan berkembang maju. Selain itu, menurut Azizan Baharuddin (2005), dialog adalah perbincangan atau perbincangan di antara dua atau lebih pihak yang berfikir atau berpendapat berbeza, dengan fokus utama untuk mengetahui pola atau gaya fikir yang berlainan agar setiap ahli dialog dapat mempelajari dan mengetahui cara berfikir yang berbeza daripada dirinya sendiri. Tambah beliau lagi, semua ahli dialog, perlu mendengar setiap hujah dan pandangan yang dilontarkan oleh ahli dialog lain, dengan perasaan yang empati supaya dapat difahami dengan lebih jelas dan terperinci berhubung setiap hujah dan pandangan yang dilontarkan oleh ahli dialog yang lain. Sementara itu, menurut Rahimin Affandi et al., (2011), dialog adalah satu elemen komunikasi dan medium

interaksi yang melibatkan pertemuan dan perbincangan mengenai sesuatu isu yang menimbulkan perbezaan pendapat, kesangsian dan salah faham di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama. Sehubungan itu, dialog tidak hanya terbatas, pada perkara yang membincangkan konflik semata-mata, tetapi dialog juga berperanan dalam memupuk dan mengembalikan persefahaman dalam kalangan masyarakat.

6. Teks Dialog Antara Agama

Dalam bahagian ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk menyalin semula teks dialog antara agama, yang telah dimuat naik oleh admin akaun *Youtube* iaitu ‘Omar Suleiman Indonesia’, dengan tajuk ‘Islam, Yahudi, Kristen – Diskusi Antar Agama (Subtitle Indonesia)’, yang berdurasi ‘1:32:57’. Oleh yang demikian, hantaran ini boleh diakses melalui pautan berikut ‘<https://www.youtube.com/watch?v=TklCboXOkB4>’.

Dialog antara agama ini, terdiri daripada satu orang moderator iaitu, Pendeta Amy Heller yang merupakan pendeta senior di *Episcopal school of Dallas* dan merupakan pembantu rektor di *Church of the Transfiguration*. Selain daripada itu, ahli panel terdiri daripada tiga individu yang mewakili agama masing-masing. Iaitu, Rabbi David Stern mewakili Yahudi. Beliau merupakan ketua para rabbi di *Emmanuel Temple of Dallas*. Seterusnya, Pendeta Dr. Chris Girata mewakili Kristian *Anglican*. Beliau merupakan rektor di *Saint Michael and All Angels*. Akhir sekali, Dr. Omar Suleiman yang mewakili Islam. Beliau merupakan direktor *Islamic Learning Foundation of Texas* dan guru besar di *Resident Valley Ranch Islamic Center*.

Pada minit ke ‘0:49’, moderator Pendeta Amy Heller, telah menjelaskan bahawa tujuan dialog antara agama yang diadakan pada waktu tersebut, adalah untuk berkongsi pandangan daripada ketiga-tiga agama yang berbeza kepada komuniti yang hadir menyaksikan dialog, berkenaan satu-satu isu yang dibangkitkan. Sebagaimana berikut ‘Sebelum saya memperkenalkan panelis kita, mari kita berdiam sejenak untuk berdoa, kerana kita sudah berkumpul untuk saling berbagi pikiran untuk membangun komunitas di malam ini’. Berdasarkan hal tersebut, jelas bahawa, dialog antara agama yang diadakan tersebut, tidak bermaksud untuk mencari titik kelemahan agama lain, tetapi untuk berkongsi dan mendapatkan pandangan daripada agama lain, terhadap satu-satu persoalan dan isu semasa yang dibangkitkan dalam sesi dialog tersebut.

Umpamanya, pada minit ke ‘1:04:24’, moderator meminta pandangan daripada setiap ahli panel tentang perkahwinan silang agama berdasarkan sudut pandang Yahudi, Kristian dan Islam. Berdasarkan soalan tersebut, berikut merupakan jawapan para panelis yang diolah semula menjadi teks. (Teks asal disalin daripada terjemahan yang disediakan dalam bahasa Indonesia)

Moderator: Baik berbicara tentang penanda sosiologis, kita akan membicarakan tentang pernikahan beda agama. Apa tanggapan dari setiap agama tentang itu?

Yahudi: Dalam hukum Yahudi tradisional, itu dilarang, sedangkan dalam praktek di zaman sekarang, khususnya para rabi dan kelompok yang saya pimpin, tidak ada rabi Ortodoks yang memperbolehkan menikah beda agama. Dan peraturan terbaru dari organisasi konservatif rabi, jika anggota konservatif rabi melakukan itu, maka mereka akan dikeluarkan dari organisasi. Jadi, itu larangan yang sangat kuat dalam denominasi yang lebih progresif dan liberal yang juga dipimpin oleh banyak rabi.

Kristian: Saya dapat mengatakan bahawa tidak ada hukum tegas. Ini kesempatan yang sulit, di mana saya tidak bisa berbicara atas dasar Kristian, saya fikir dalam kebanyakan kasus, dalam lingkup individu pendeta, ada hukum yang sedikit lunak

tentang bagaimana mereka menyetujui ini. Seringkali pernikahan di anggap hanya sebagai perayaan pastoral, khususnya sebagai orang yang menganut Anglikan (episcopalian). Saya dapat mengatakan, mungkin bagi Kristen Ortodok (roma), pernikahan itu sakral, dan ketika momen sakral dibahagikan bersama orang yang percaya pada kepercayaan yang juga sakral. Bagaimanapun juga ada hukum yang lunak dalam hal itu. Saya pikir, itu tergantung pada personal. Dalam agama kami, kami tidak memaksa seseorang untuk menikah dengan orang tertentu, saya telah menolak, beberapa pasangan, hanya kerana, tuhan tidak mengizinkan mereka untuk berkahwin (pernikahan sesama jenis). Saya ingin mengatakan bahawa, kami memiliki tanggungjawab untuk membaptis seseorang yang ingin dibaptis. Kami juga memiliki tanggungjawab untuk mengubur seseorang yang harus dikubur, itu adalah tanggungjawab yang kami miliki. Tapi dalam hal pernikahan, saya pikir itu adalah memperbaiki keluarga, dan memulai sesuatu yang baru, dan saya bisa mengatakan kebanyakan pendeta Kristen benar-benar ingin mendorong identitas Kristen dalam keluarga baru itu, meskipun barangkali seseorang ingin lari dari tradisi Kristen, tapi itu tetap akan sangat didorong.

Islam: Jadi dalam komunitas Islam, untuk terus memelihara identitasnya, al-Quran diturunkan dalam waktu lebih dari 23 tahun, al-Quran tidak diturunkan dalam satu waktu, tapi dalam rentang umur Nabi Muhammad SAW 40-63 tahun. Jadi, itu juga berurusan dengan konteks yang berkembang. Ketika umat Muslim berada di Mekah, yang mana itu di awal tahun 13 hijrah, ada larangan mutlak dalam pernikahan beda agama. Jadi, laki-laki Muslim dan wanita Muslim tidak boleh menikahi laki-laki atau wanita *non* Muslim. Dan ada juga larangan, dalam hal mengkonsumsi daging yang disembelih oleh orang non Muslim. Jadi, itu adalah pengorbanan yang jelas merupakan bagian besar dari kisah Nabi Ibrahim. Jadi, pengorbanan selain dari Muslim tidak diterima. Ketika umat Muslim pindah ke Madinah, ketika Nabi Muhammad SAW pindah ke Madinah, ada pergolakan dari komunitas Yahudi, dan konstitusi pertama di dunia berdasarkan dari beberapa ahli sejarah adalah konstitusi Madinah. Kamu bisa melihat, di mana umat Muslim dan Yahudi sepakat pada kewajiban tertentu antara satu sama lain. Pada saat itu, ada ayat yang diturunkan dalam al-Quran, yang melonggarkan larangan bagi laki-laki Muslim untuk menikahi wanita Kristen atau Yahudi, dan juga melonggarkan larangan memakan hewan yang disembelih oleh orang Yahudi atau Kristen. Jadi itu adalah interaksi yang baharu. Jadi meskipun ada kelonggaran dalam hal larangan pernikahan antara laki-laki Muslim dengan wanita Yahudi atau Kristen, tapi tetap dianjurkan. Itu masih diperbolehkan di awal-awal Islam, untuk memelihara identitas seorang muslim dalam pernikahan. Dan berkaitan dengan makanan, syukurnya saya bisa makan Kosher (makanan Yahudi), ada makanan Kosher yang sangat enak sekali di Dallas, tapi lebih enak di New Orleans saat kami berkumpul dengan para rabi. Umat Muslim boleh memakan yang halal dan juga Kosher. Jadi mereka boleh memakan makanan yang disembelih oleh orang Kristian ataupun Yahudi.

Berdasarkan dialog tersebut, menurut rabi David Stern, perkahwinan beza agama, adalah dilarang dalam kepercayaan Yahudi tradisional. Hukum tersebut, masih dikekalkan dalam komuniti Yahudi Ortodoks. Sekiranya hal tersebut dilakukan, maka individu tersebut, telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan dan akan dikeluarkan daripada organisasi.

Sedangkan, Kristian dan Islam pula, lebih cenderung untuk membolehkan pernikahan beza agama, berdasarkan kepada pertimbangan terhadap beberapa aspek. Menurut pendeta Dr. Chris

Girata, mereka bertanggungjawab untuk membaptis individu yang mahu dibaptis (mahu memeluk agama Kristian). Hal ini memungkinkan, individu yang dibaptis tersebut, memeluk agama Kristian, atas dasar ikatan perkahwinan. Tambahan pula, menurut pendeta Dr. Chris Girata lagi, Kristian tidak memaksa penganutnya untuk menikahi seseorang. Justeru, dia bebas untuk menikahi dengan pilihannya walaupun ia daripada agama atau kepercayaan yang berbeza. Hal ini demikian kerana, para pendeta Kristian, menghendaki agar identiti Kristian ataupun ajaran Kristian dapat disebarkan kepada keluarga ataupun ahli (penganut baharu) itu. Dalam pada itu, menurut Dr. Chris Girata lagi, perkahwinan yang tidak dibenarkan dalam Kristian, adalah perkahwinan semasa jenis (lelaki-lelaki; perempuan-perempuan)

Dalam aspek Islam pula, sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr. Omar Suleiman, terdapat larangan awal dalam Islam, yang melarang pernikahan beza agama. Pun begitu, seiring dengan peredaran waktu (konteks berbeza), syariat memberi kelonggaran kepada masyarakat Muslim untuk menikahi individu beza agama, atas pertimbangan dan tuntutan tertentu. Dr. Omar Suleiman menyatakan, terdapat nas al-Quran, yang menjelaskan kelonggaran perkahwinan beza agama tersebut. Pun begitu, ayat tersebut tidak disebutkan oleh beliau dalam sesi dialog itu.

Berdasarkan dialog ini, dapat diperhatikan bahawa, dalam isu yang dibincangkan tersebut, terdapat persamaan yang wajar untuk diraikan. Sekaligus menjembatani suasana harmoni dalam hidup bermasyarakat daripada pelbagai latar belakang. Terutamanya, suasana di Asia Tenggara yang majoritinya dihuni oleh masyarakat Kristian dan Islam. Iaitu, saling berlapang dada (membenarkan) penganutnya untuk berkahwin dengan individu beza agama. Pun begitu, dalam dialog tersebut, tidak dijelaskan secara terperinci apakah Yahudi, Kristian dan Islam membenarkan penganutnya menukar atau keluar agama atas dasar perkahwinan, dan apakah konsekuensi daripada sudut pandang agama berkenaan tindakan tersebut.

7. Perbandingan Model Sintesis Dalam Teologi Kontekstual Stephen B. Bevans Dengan Amalan Dialog Antara Agama

Setelah pengkaji meninjau kedua-dua pendekatan ini, iaitu model sintesis dan dialog antara agama. Pengkaji mendapati bahawa, kedua-dua pendekatan ini, sama-sama berperanan untuk memahami dan membina hubungan yang harmoni antara dua atau lebih aliran yang berbeza. Pun begitu, masih terdapat perbezaan yang jelas di antara keduanya. Pengkaji ringkaskan sebagaimana berikut:

Jadual 2: Perbandingan Model Sintesis Dalam Teologi Kontekstual Stephen B. Bevans dengan amalan Dialog Antara Agama.

Bil	Model Sintesis	Aspek Persamaan	Dialog Antara Agama
1	Masyarakat yang berbilang agama dan budaya	Tumpuan	Masyarakat yang berbilang agama dan budaya
2	Keadaan semasa masyarakat menjadi sumber utama dalam pensintesisan teologi yang relevan berdasarkan konteks semasa masyarakat di tempat itu	Sumber Perbahasan	Isu semasa dalam aliran sesebuah agama, atau isu semasa global yang memerlukan pandangan dan penglibatan daripada tokoh-tokoh agama dunia.
3	Mempromosikan agama yang lebih bersifat toleransi dan sesuai dengan keperluan, cabaran dan keadaan semasa masyarakat di tempat itu	Promosi	Mempromosikan toleransi dan keharmonian, dengan cara berdialog dan perbincangan secara langsung untuk mengatasi salah faham antara aliran dalam sesebuah agama atau antara agama-agama.

4	Model Sintesis, mengiktiraf keadaan sesebuah masyarakat, seperti budaya, kepercayaan, kearifan tempatan yang bersesuaian dengan ajaran teologi.	Iktiraf	Dialog antara agama, mementingkan sikap empati, iaitu mendengarkan setiap hujah dan pandangan daripada aliran berbeza supaya individu daripada aliran berbeza dapat mempelajari dan memahami setiap pandangan yang dilontarkan.
5	Model Sintesis berupaya untuk menjadikan ajaran sesebuah agama lebih relevan dengan realiti masyarakat tempatan dengan mengambil kira aspek budaya, kepercayaan, ekonomi, sosial dan lain-lain.	Pemeriksaan Identiti Agama	Dialog antara agama memberi ruang dan peluang, kepada semua tokoh-tokoh agama untuk menjelaskan dan menyatakan kepercayaan dalam agama mereka.
Bil	Model Sintesis	Aspek Perbezaan	Dialog Antara Agama
1	Menyesuaikan ajaran agama, agar lebih relevan dengan konteks dan keadaan semasa masyarakat di tempat itu. Umpamanya Islam, yang berasal daripada negara Arab (budaya masyarakat Arab), perlu disesuaikan dengan konteks masyarakat di Asia Tenggara (budaya Nusantara, Alam Melayu dan lain-lain).	Pendekatan	Merupakan pendekatan yang menemukan tokoh-tokoh agama secara berhadapan (komunikasi langsung), untuk mencari persamaan dan menyelesaikan permasalahan yang timbul antara mereka.
2	Model sintesis bertujuan untuk mewujudkan agama yang relevan dengan konteks masyarakat tempatan. Ia bertujuan untuk menjelaskan, bagaimana agama tertentu seperti Kristian dan Islam, dapat dikembangkan dalam sebuah masyarakat yang berbilang agama, budaya dan latar belakang.	Objektif	Memperkuat identiti agama, mewujudkan persefahaman dan menyelesaikan konflik penganut antara agama dalam sebuah negara yang memiliki penduduk berbilang agama. Ia bertujuan untuk membina keharmonian hidup, antara penganut agama berbeza, tanpa perlu mengubah atau menggabungkan kepercayaan sebagaimana model sintesis.
3	Cenderung kepada pendekatan akademik, khususnya dalam bidang agama, budaya dan sejarah. Membandingkan, amalan sesebuah agama di sesebuah tempat dengan menjelaskan kesesuaian amalan agama di sesebuah tempat tersebut, dengan budaya masyarakat berlainan di sesebuah tempat, di mana agama tersebut hendak dipraktikkan.	Metodologi	Cenderung kepada komunikasi langsung, antara wakil-wakil agama. Seperti, dialog, forum, seminar dan medium dialog lain, yang berkaitan di zaman kontemporari ini.

Sumber: Analisis Pengkaji

8. Implikasi Model Sintesis Dan Amalan Dialog Antara Agama Terhadap Masyarakat Kontemporari

Dalam era teknologi moden yang serba canggih ini, penyesuaian ajaran agama mengikut konteks semasa dan dialog antara agama sememangnya tidak dapat dielakkan daripada berlaku. Bahkan, ia menjadi satu keperluan manusia di zaman kontemporari ini.

Model sintesis, dapat menjawab, bagaimana sesebuah agama menjadi relevan dalam budaya dan konteks masyarakat yang berbeza-beza. Bahkan, ia turut berupaya untuk memastikan agar agama tetap relevan, walaupun budaya dan konteks masyarakat berubah seiring dengan peredaran waktu. Dalam Islam, terdapat satu pendekatan yang mirip dengan situasi ini, iaitu *fiqh al-Waqi'* (فقه الواقع) iaitu sintesis (gabungan) antara '*fiqh*' dengan '*al-Waqi'*' iaitu keadaan semasa atau realiti semasa yang dihadapi masyarakat manusia (Irsyad Usul Fiqh Siri Ke-76, 2024). Dalam erti kata lain, menghubungkan antara *fiqh* dengan keadaan semasa masyarakat kontemporari dalam aspek pelbagai, seperti sosial, politik, ekonomi, budaya dan lain-lain yang terus berubah (dinamik). Sifatnya yang fleksibel inilah, menjadikan hukum-hukum Islam, dapat dipraktikkan di semua tempat, zaman dan budaya masyarakat yang berbeza. Implikasinya, ajaran agama dapat disesuaikan dengan budaya masyarakat kini, yang tidak dimiliki oleh budaya masyarakat terdahulu. Seperti penggunaan mata wang digital dan seumpamanya. Oleh sebab itu, model sintesis berasaskan kepada budaya ini, menjadikan agama tetap relevan walaupun budaya masyarakat telah pun berubah. Contohnya, penggunaan *Bitcoin* dan *Forex* (Perdagangan Tukaran Mata Wang Asing) perlu panduan syariah yang relevan dalam konteks kini, supaya masyarakat Muslim tidak menghadapi kekeliruan dalam isu-isu tersebut.

Bagi dialog antara agama pula, ia berupaya untuk membantu umat manusia sejagat dalam mencari penyelesaian secara lebih holistik terhadap sesebuah isu global. Umpamanya, isu peperangan (masyarakat Palestin) yang menuntut penjelasan daripada aspek agama, sejarah, budaya, politik dan kemanusiaan. Dengan dialog, lebih memungkinkan untuk menyelesaikan sesebuah isu secara lebih harmonis. Dalam erti kata lain, dapat membantu dalam mengurangkan ketegangan serta konflik dalam beragama. Kebanyakannya, isu-isu kontemporari yang wujud pada hari ini, sama ada di peringkat tempatan, mahupun global, mempunyai dimensi agama. Contohnya, isu peperangan timur tengah antara Israel dan Islam (Palestine), puak pelampau agama, ajaran sesat yang berimejkan agama dan isu gender seperti LGBTQ dan seumpamanya. Dengan dialog, kesalahfahaman yang dicetuskan oleh puak pelampau dan ajaran-ajaran sesat, dapat memurnikan semula imej agama di hadapan penganut agama lain. Sekaligus dapat mengelakkan penganut lain, daripada memandang serong terhadap sesebuah agama, yang boleh mencetuskan masalah keharmonian dalam sesebuah negara.

9. Kesimpulan

Secara keseluruhan, implementasi model sintesis dan dialog antara agama memberikan kesan yang signifikan terhadap pelbagai aspek dalam agama, budaya dan keadaan sosial masyarakat. Dalam pada itu, ia berkesan dalam membentuk pemahaman yang lebih mendalam tentang pelbagai kepercayaan, sekaligus menyemai sifat untuk menghargai, menghormati agama, kepercayaan dan budaya masyarakat lain. Dalam situasi dunia yang semakin kompleks dan saling bergantung di antara satu sama lain ini, adalah penting untuk mempertimbang dan mengaplikasikan model sintesis dan dialog antara agama sebagai langkah ke arah mewujudkan agama dan pemahaman yang lebih relevan kepada masyarakat. Dalam erti kata lain, membentuk agama yang dapat menjawab setiap persoalan dan permasalahan masyarakat kontemporari ataupun mengikut perubahan zaman. Selain itu, ia turut dapat membentuk masyarakat yang lebih inklusif, toleransi, dan harmoni terhadap kepelbagaian pandangan dalam beragama. Dengan demikian, manusia bukan sahaja dapat memahami kepercayaan dan keadaan dirinya sendiri, tetapi juga dapat memelihara kehidupan yang lebih baik untuk generasi yang akan datang.

Penghargaan

Sekalung Penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah menerusi Skim Dana Khas, Kod Projek (SDK0337-2022) yang telah membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Hakim al-Qasim. 2009. Dalalah al-Siyah al-Qurani wa Atsharuha fi al-Tafsir. Arab Saudi: Dar al-Tadammuriyah.
- Ahmad Lafi Falah al-Mutiri. 2005. Dalalah al-Siyah al-Qurani fi Tafsir Adhwa' al-Bayan. Yordania: Dar Wael.
- Al-Akrat. 2018. Fi'Im al-Dalalah al-Lugawiyyah, Kuliyah al-Lughah al-Arabiyyah bi al-Qahirah – Jami'ah al-Azhar.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali. 2012. Dialog Agama Lwn Dialog Kehidupan. Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Kepercayaan. Jurnal Peradaban. 5(1), 1-22.
- Azmi Shah et al. 2007. Tahap Dialog Peradaban: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bayan Linnas Siri Ke 179. 2019. Metodologi Jawapan Hukum Dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan>. Dilayari 3/2/24.
- B.F. Drewes & Julianus Mojau. 2003. Apa itu teologi: Pengantar Ke Dalam Ilmu Teologi. BPK Gunung Mulia.
- Cindy Natalian Salinding. 2023. Model Antropologis Stephen B. Bevans Kajian Teologis Kontekstual Pelaksanaan Adat Masikka Dalam Acara Pemakaman di Desa Ranta Damai. DAAT, 4(1), 70-83.
- Danial J. Adams. 2011. Teologi Lintas Budaya: Refleksi Barat di Asia. PT BPK Gunung Mulia: Jakarta.
- Dayan Fithroini & Muhamad Latif Mukhti. 2021. Hadith Nabi Yang Tekstual dan Kontekstual: Analisis Pemikiran Syuhudi Ismail. 2(1), 116-140.
- Emanuel Gerrit Singgih. 2000. Berteologi Dalam Konteks. Yogyakarta: Kanisius.
- Emanuel Martasudjita. 2021. Teologi Inkulturasi: Perayaan Injil Yesus Kristus di Bumi Indonesia. Penerbit PT. Kanisius. Indonesia.
- Fausto Tilman. 2012. Resensi Model Sintesis: Model Teologi Kontekstual. https://www.academia.edu/4964358/Resensi_Model_sintesis_Model_Teologi?auto=download. Dilayari 5/10/24.
- Hikmah Hamid. 2010. Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bajau Darat di Daerah Semporna Sabah: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Isalm. Universiti Malaya.
- Ibn Abidin. 2005. Rasa'il Ibn 'Abidin. Pustaka al-Kautsar.
- Ibn Qayyim. 2003. I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin. Pustaka al-Kautsar.
- Irsyad Usul Fiqh Siri Ke-76. 2024. Makna Fiqh al-Waqi' dan Perbezaannya dengan Fiqh al-Nawazil. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-usul-fiqh/5947-irsyad-usul-fiqh-siri-ke-76-makna-fiqh-siri-ke-76-makna-fiqh-al-waqi-dan-perbezaannya-dengan-fiqh-al-nawazil>. Dilayari 18/10/24.
- Kamus Bahasa Melayu. 2024. 'Konteks'. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Konteks>. Dilayari 2/10/24
- Kamus Bahasa Melayu. 2024. Sintesis. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sintesis>. Dilayari 3/10/24.

- Kamus Bahasa Melayu. 2024. 'Dialog'. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=dialog>. Dilayari 7/10/24.
- Kristian Kusumawardana. 2023. Kontekstualisasi Teologi Imago Dei Melalui Konsep Sangkan Paraning Dumadi. Indonesia: STT: Bandung.
- Lamberty Y. Mandagi. 2020. Kontekstualisasi Ibadah Sebagai Usaha Kontekstualisasi Teologi. Titian Emas. 1(1), 59-65.
- Latin Dictionary. 2024. 'Contextus'. <https://www.online-latin-dictionary.com/latin-english-dictionary.php?parola=contextus>. Dilayari 2/10/2024
- Mohammad Yusuf Setyawan. 2022. Urgensi Makna Kontekstual (Dalalah Siyaqiyyah) dan Teori Kontekstual (Nazariyyah al-Siyah) dalam Penelitian Semantik. Insiyah. 5(1), 26-38.
- Muhammad al-Zuhaili. 2005. Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Pustaka al-Kautsar.
- Muhammad Syuhudi Ismail. 2009. Hadis Nabi Yang Tekstual dan Kontekstual. Jakarta: PT. Bulan Bintang.
- Norunnajjah Ahmat & Rohayati Abdullah. 2018. Kepentingan Ilmu Perbandingan Mazhab dan Keutamaan Fiqah dalam Pengurusan Asrama. Governans, Institusi & Pengurusan Kewangan (eProceedings).
- Oxford English Dictionary. 2024. 'Contextual'. <https://www.oed.com/search/dictionary/?scope=Entries&q=Contextual>. Dilayari 2/10/24
- Oxford English Dictionary. 2024. 'Dialogue'. <https://www.oed.com/search/dictionary/?scope=Entries&q=dialogue>. Dilayari 7/10/24.
- Oxford Learner Dictionary. 2024. 'Synthesis'. <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/synthesis?q=synthesis>. Dilayari 5/10/24.
- Puplius M. Buru & Bernadus S. Hayong. 2024. Dialog Iman, Budaya dan Teologi Paus Fransiskus. Penerbit Ledalero. Indonesia
- Sneddon. (2003). The Indonesian Language: Its History and Role in Modern Society UNSW Presss.
- Stephen B. Bevans. 2002. Models of Contextual Theology. Orbis Books.
- Sumarjo. 2011. Ilmu Komunikasi Dalam Perspektif al-Quran. Inovasi. 8(1), 113-124.
- Syamsul Azizul Marinsah. 2017. Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- WIPF and Stock Publishers. 2024. Stephen B. Bevans. <https://wipfandstock.com/author/stephen-b-bevans/>. Dilayari 3/10/24.
- Yulian Anouw. 2023. Rumah Tangga Suku MOI: Tinjauan Etis dan Teologis. CV. Ruang Tentor. Indonesia.
- Zulkifli al-Bakri. 2022. Syura Sebagai Solusi Masalah (Fiqh Politik). <https://zulkifliabakri.com/syura-sebagai-solusi-masalah/>. Dilayari 18/10/24.

Temu bual

Tuan Hj. Hussin bin Hj. Hassan. Kg. Bugaya Semporna, Sabah. 19 September 2015. Dipetik daripada Syamsul Azizul Marinsah. 2017. Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah. Tesis PhD. Universiti Malaya.